

BISNES » Korporat  
Rabu, 31 Julai 2019 | 5:26pm

HARIS Fadzilah Hassan (kiri) menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman diantara Sime Darby, FGV dan Biotek Dinamik di Sime Darby Convention Center. NSTP/Muhd Zaaba Zakeria

## FGV mahu kekal pegangan majoriti dalam MSM

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

[f Share](#)[T](#) Tweet[g+](#) Share

KUALA LUMPUR: FGV Holdings Bhd akan terus mengekalkan pegangan majoriti dalam MSM Malaysia Holdings Bhd, meskipun terbuka kepada sebarang bentuk kerjasama strategik termasuk penjualan kepentingan bagi mengukuhkan perniagaan gulanya itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Haris Fadzilah Hassan, berkata FGV akan terus kekal dalam perniagaan berkaitan makanan sejajar dengan permintaan kukuh terhadap makanan dan tenaga.

Beliau berkata, kerjasama strategik boleh dilaksanakan dalam pelbagai cara dan pihaknya terbuka kepada sebarang bentuk kerjasama selagi ia baik untuk MSM dan memberi lebih nilai kepada pemegang saham.

“Kami terbuka kepada sebarang cadangan. Kami terbuka kepada sebarang perundingan yang membawa kepada pengukuhan berterusan dan menambah nilai kepada pemegang saham kami,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai laporan dengan memetik sumber baru-baru ini bahawa FGV sedang berunding untuk menjual sebahagian daripada 51 peratus kepentingannya dalam MSM.

Haris Fadzilah berkata, MSM adalah pengeluar gula terbesar di Malaysia dengan penguasaan pasaran 60 peratus dan mempunyai kapasiti penapisan 2.2 juta tan.

Beliau berkata, kapasiti pengeluaran yang besar itu sekali gus memberi peluang kepada MSM untuk meninjau menembusi pasaran lain, yang mana pasaran terbesar gula ketika ini ialah China, India dan Indonesia.

“Kami mempunyai kapasiti 2.2 juta tan, justeru terdapat peluang untuk memasarkan bagi pasaran domestik dan mencari peluang mengembangkan pasaran luar negara,” katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai isu yuran lembaga pengarah FGV, Haris Fadzilah berkata, terdapat rundingan antara pemegang saham utama FGV mengenai isu itu.

Beliau berkata, sebaik saja lembaga pengarah dan pemegang saham FGV mencapai persetujuan mengenai isu itu, pihaknya akan mengeluarkan kenyataan mengenai perkara itu.

Katanya, lembaga pengarah FGV masih menjalankan tugas mereka meskipun tanpa yuran, sekali gus menunjukkan komitmen mereka untuk memulihkan FGV.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan Ke-11 FGV bulan lalu, pemegang saham FGV menolak tiga resolusi membabitkan pembayaran yuran pengarah.

FELDA adalah pemegang saham terbesar FGV dengan 33.7 peratus pegangan, manakala Koperasi Permodalan Felda Malaysia Bhd (KPF) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) masing-masing memiliki 5.25 peratus dan 1.25 peratus.

**AGENCY:** Berita Harian (Online)

**LINK:** <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2019/07/591082/fgv-mahu-kekal-pegangan-majoriti-dalam-msm>